

Nama: .....

Kelas :.....



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMPARULI

W.D.T 70, 89259 TAMPARULI, SABAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
BAHASA MELAYU KERTAS 1  
TINGKATAN 5  
2015

2 1/4 jam

Dua jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan *satu* soalan daripada **Bahagian B**.

---


*Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak*

**Bahagian A**


[30 markah]

(Masa dicadangkan: 45 minit)


Berdasarkan ilustrasi di bawah, huraikan pendapat anda tentang **Usaha-usaha memupuk ikatan kekeluargaan yang utuh dalam institusi kekeluargaan di Malaysia**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Didik anak dari peringkat awal supaya menghormati dan menyayangi keluarga



Ibu bapa perlu mengutamakan kepentingan keluarga berbanding kerja



Orang dewasa perlu memberi contoh yang baik kepada ahli keluarga yang lebih muda

**Bahagian B**  
[ 100 markah ]

[ Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **melebihi 350 patah perkataan**.

1. Setiap pelajar mempunyai persediaan tersendiri untuk menghadapi peperiksaan agar memperoleh keputusan yang cemerlang.

Jelaskan persediaan-persediaan yang anda lakukan sebelum menjelangnya musim peperiksaan awam.

2. Salah satu tanggungjawab ibu bapa kepada tanah air adalah untuk membentuk dan mengasuh anak-anak menjadi warganegara yang berjiwa patriotik. Anda berminat untuk menulis sebuah rencana tentang peranan ibu bapa bagi memupuk semangat patriotik dalam jiwa anak-anak.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

3. Kekurangan sumber bahan api petroleum dijangka akan habis menjelang tahun 2020. Hal ini menyebabkan kenaikan harga petroleum mentah secara berterusan dan mendorong kerajaan menarik balik subsidi harga petrol.

Bincangkan kesan-kesan kenaikan harga bahan mentah ini kepada rakyat dan cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak bagi mengurangkan kesan tersebut.

4. Segelintir pihak telah menjadikan Internet sebagai medan untuk melakukan jenayah yang dikenali sebagai jenayah siber.

Huraikan faktor-faktor jenayah siber ini sukar dibendung dan usaha-usaha yang perlu diambil oleh setiap negara di dunia untuk memerangi jenayah tersebut.

5. Untuk menggalakkan orang ramai menabung, sebuah institusi kewangan tempatan telah menganjurkan sayembara menulis cerpen bertemakan peribahasa "*Melentur buluh, biarlah dari rebungunya.*" Anda berminat untuk menyertai pertandingan tersebut.

Tulis cerpen anda selengkapnya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**